



## TATACARA BERKEMPEN DAN TATA ETIKA CALON ANGGOTA LEMBAGA DALAM PEMILIHAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPSYA

### **1. TUJUAN**

Tujuan Tatacara Berkempen dan Tata Etika Calon Anggota Lembaga Pemilihan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KOPSYA [selepas ini dirujuk sebagai “Tatacara”] ini adalah untuk mewujudkan amalan, tatalaku dan etika yang terbaik semasa pemilihan MAPT semasa penularan Pandemik Covid-19 demi kepentingan dan kebaikan semua pihak. Teras Tatacara ini ialah peruntukan Garis Panduan No.14B Suruhanjaya Koperasi Malaysia (‘GP14B’).

### **2. PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG**

Tatacara ini ialah panduan yang tertakluk kepada pemakaian semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan khususnya. Semua calon Anggota Lembaga yang mengambil bahagian dalam pemilihan MAPT hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.

### **3. KEMPEN**

- 3.1 Calon Anggota Lembaga tidak boleh mengadakan sebarang ceramah terbuka, perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka melainkan jika mendapat permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan di mana aktiviti tersebut dijalankan;
- 3.2 Pengendalian kaedah berkempen hendaklah dibuat dalam suasana aman, tenteram dan teratur serta mematuhi undang-undang iaitu:
  - a) Tidak berlaku apa-apa gangguan atau kekecohan ditimbulkan oleh mana-mana pihak tertentu;
  - b) Tidak berlaku apa-apa bentuk kecaman ke atas hal ehwal peribadi mana-mana calon Anggota Lembaga, di khalayak umum yang mempunyai unsur-unsur berita palsu dan tidak benar, tohmahan, fitnah ataupun tuduhan yang tidak berasas;
  - c) Tidak ada apa-apa bentuk rayuan atau dorongan untuk mendapatkan sokongan berdasarkan unsur-unsur dan semangat perkauman atau keagamaan;
  - d) Apa-apa kritikan atau ulasan hendaklah tertumpu kepada persoalan dasar oleh calon Anggota Lembaga serta isu-isu yang berkaitan dengan aspek pentadbiran.
- 3.3 Tidak boleh melakukan apa-apa tatalaku atau perbuatan (dalam bentuk lisan, tulisan atau apa-apa gambaran) yang boleh mencetuskan perasaan tidak senang, benci atau permusuhan antara kaum, agama atau budaya dalam kalangan perwakilan.

### **4. BAHAN KEMPEN**

Semua pihak hendaklah mematuhi Garis Panduan No.13 Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu Garis Panduan mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi (GP13).

### **5. HARI MENGUNDI**

- 5.1 Berdasarkan GP14B, perjalanan MAPT dibuat secara “virtual” atau secara maya atau dalam talian. Oleh itu, semua calon Anggota Lembaga hendaklah:
  - a) Tidak boleh merayu undi sama ada bertujuan untuk menyokong atau menentang calon Anggota Lembaga yang bertanding sebaik sahaja Pengerusi Mesyuarat mengumumkan

MAPT berlangsung dengan rasminya;

- b) Bekerjasama dalam memastikan proses pengundian dijalankan dengan aman, teratur dan mengikut undang-undang;
- c) Patuh kepada peraturan dan arahan yang dikeluarkan;
- d) Tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh dianggap sebagai merasuh atau membeli undi;
- e) Tidak dengan apa cara jua pun menghalang, mengugut atau menakut-nakutkan perwakilan untuk mengundi;
- f) Tidak mengibarkan sebarang bentuk bendera yang mempunyai simbol atau nombor calon Anggota Lembaga pada latar belakang (*background*) calon semasa perjalanan MAPT; dan

## **6. PENGIRAAN UNDI**

- 6.1 Proses pengiraan undi bagi MAPT yang diadakan secara ‘*virtual*’ dibuat dan dijalankan menggunakan sistem kiraan undi dalam talian;
- 6.2 Tidak ada mana-mana pihak dibenarkan menghebahkan mana-mana keputusan pengiraan undi yang dijalankan sebelum diumumkan oleh Pengerusi MAPT;
- 6.3 Proses pengiraan ini dipantau dan dikawal selia oleh Juruaudit Luar yang dilantik.

## **7. PENGUMUMAN KEPUTUSAN**

Semua calon Anggota Lembaga hendaklah:

- a) Mengawal perasaan masing-masing bagi memastikan ketenteraman awam terpelihara semasa keputusan pemilihan diumumkan oleh Pengerusi MAPT;
- b) Menunjukkan tatalaku yang baik dan saling menghormati calon Anggota Lembaga lain semasa keputusan diumumkan;
- c) Tidak membuat sebarang tuduhan liar berkenaan dengan proses pengundian yang dijalankan. Sebarang rasa tidak puas hati hendaklah disalurkan melalui proses undang-undang.

## **8. ADUAN DAN TINDAKAN TERHADAP PELANGGARAN TATACARA**

Mana-mana perwakilan yang ingin membuat aduan tentang pelanggaran Tatacara kempen oleh mana-mana calon Anggota Lembaga boleh menghubungi KOPSYA di alamat emel [info@kopsy.coop](mailto:info@kopsy.coop)

## **9. PINDAAN, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN TATACARA**

Semua calon Anggota Lembaga hendaklah mematuhi Tatacara ini berkuatkuasa dan sebarang pindaan atau perubahan atau pembatalan akan dimaklumkan dari masa ke semasa setelah diluluskan oleh Lembaga KOPSYA.